

Kolej Vokasional Mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke PPKS Miri

Written by Administrator
Thursday, 04 July 2013 06:21 -

Miri: Seramai 43 orang pelajar dan 13 orang guru daripada Kolej Vokasional Matang dan Bintulu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) Miri pada 27 Jun (Khamis).

Rombongan pelajar yang disambut oleh Pengarah Wilayah, Hajah Khaninah Haji Ariff serta Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Wan Ishak Wan Hadenan, kemudian diberi taklimat mengenai fungsi PPKS serta program yang ditawarkan di PPKS Miri.

Para pelajar tersebut juga telah dibawa melawat ke beberapa makmal-makmal utama untuk melihat segala kemudahan latihan yang disediakan di kampus ini.

Lawatan ini adalah bersempena dengan program Jelajah Kolej Vokasional 1 Malaysia bagi Zon Sarawak.

Para pelajar dan guru-guru amat berpuas hati dengan lawatan kali ini kerana mendapat banyak pengetahuan dan pemahaman mengenai peranan dan pengurusan PPKS Miri ini.

"Para pelajar yang mendapat peluang pendidikan kemahiran secara percuma oleh kerajaan di Kolej Vokasional harus menggunakan peluang ini dengan sebaik mungkin" kata Encik Wan Ishak.

{gallery}events/2013/kv-ppksmiri{/gallery}